

**Malaysia Airlines Angkut 6,553 Warga Malaysia Pulang Mengundi
Bernama
10 Mei, 2013**

PETALING JAYA, 10 Mei (Bernama) -- Malaysia Airlines mengangkut 6,553 penumpang menggunakan 57 penerbangan sewa khas komersil sepanjang tempoh 2 Mei hingga 4 Mei dan 6 Mei hingga 8 Mei, bagi menolak dakwaan bahawa ia membawa pengundi hantu pada pilihan raya umum ke-13 (PRU13).

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Malaysia Airlines Ahmad Jauhari Yahya berkata kesemua penumpang adalah rakyat Malaysia yang mengemukakan kad pengenalan semasa daftar masuk.

"Malaysia Airlines telah dan akan sentiasa menjadi syarikat penerbangan berintegriti dan oleh itu kami tidak lagi akan bertolak ansur terhadap dakwaan tidak berasas terhadap kami dan kami akan melakukan apa sahaja yang perlu untuk melindungi kedudukan kami," katanya pada sidang akhbar di Akademi Malaysia Airlines di sini hari ini.

Beliau berkata MAS mengadakan penerbangan sewa khas komersil untuk membawa pengundi pulang ke kawasan mereka agar mereka dapat melaksanakan tanggungjawab sebagai pengundi.

"Ini adalah penerbangan dua hala dari Kuala Lumpur ke empat destinasi iaitu Kota Kinabalu, Sandakan, Kuching, Sibiu serta pengundi dari Sabah dan Sarawak ke Kuala Lumpur," katanya.

Ahmad Jauhari berkata syarikat penerbangan itu telah memainkan peranan sebagai syarikat korporat bertanggungjawab dengan memperkenalkan tambang istimewa untuk semua pengundi Malaysia yang terpaksa pulang ke kampung masing-masing untuk mengundi.

"Malah, Malaysia Airlines telah mengetepikan semua penalti bagi rancangan perjalanan yang diubah untuk semua penumpang kami semasa tempoh pilihan raya umum. Kami mungkin satu-satunya syarikat penerbangan yang berbuat demikian," katanya.

Beliau berkata kempen promosi PRU13 yang bermula 17 hingga 28 April mendapat sambutan menggalakkan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=948906>